

(PTB. 08/53/2022/0001)

KALI KEDUA

**PERISYTIHARAN JUALAN
LELONGAN AWAM**

Dalam perkara seksyen 263 KTN – Perintah Pentadbir ke atas tanah tersebut dalam gadaian
No. Pers: **1889/2004 -5 Ogos 2004**

DI ANTARA

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No.9,Persiaran Perdana,Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putra Jaya.

Pemegang Gadaai

DAN

Tuan Mohamad Azimi bin Tuan Will
No. K/P: 830918-03-5315

Penggadai

Dalam menjalankan perintah jual oleh Pentadbir Tanah yang diperbuat dalam perkara tersebut
adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Besut, Terengganu :-

**AKAN MENJUAL DENGAN
LELONGAN AWAM**

PADA HARI
PADA PUKUL

: **SELASA 27 Jun 2023**
12.45 Tengahari

TEMPAT

: **Perkarangan Pejabat Tanah Besut,**
22200, Kampung Raja, Besut, Terengganu

1. **KEDUDUKAN HARTA**

Merabang Reman

2. **KETERANGAN HAKMILIK**

No. Keterangan	: GM 1613
No. Lot	: 3167
Mukim	: Kuala Besut
Luas	: 92 mp
Hasil Tahunan	: RM 10
Tuan Tanah	: Tuan Muhamad Azmi bin Tuan Will
Jenis Penggunaan Tanah	: Bangunan
Bebanan	: Digadai kepada LPPSA No. Per .1889/2004 bertarikh;-5 Oktober 2004

Syarat Nyata:-

- i) Hendaklah didirikan bangunan kediaman sahaja.
- ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh kelulusan penukaran syarat tanah ini atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian Terengganu hendaklah didirikan sebuah bangunan rumah kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekatan Kepentingan:-

-

5. **HARGA REZAB**

Harga rezab yang akan dijual tertakluk kepada syarat-syarat jualan dan juga tertakluk kepada harga rezab iaitu **RM120,000.00**.

Mereka yang tawaran berjaya hendaklah membuat bayaran pendahuluan sebanyak 10% (RM12,000.00) dibuat di atas nama Pemegang Gadai (**Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam**) secara **Bank Draf** dan bakinya mestilah dijelaskan dalam masa 120 hari.

6. **KETERANGAN LANJUT**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pentadbir Tanah Besut atau:

Tetuan Rafaei & Co
(Peguambela & Peguamcara)
No.85,Tingkat 1 & 2,Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu.
Terengganu.

7. **SYARAT-SYARAT JUAL LELONG**

- a. Harga rezab bagi maksud jualan ialah: **(~~GM 1613~~)RM120,000.00**
(Ringgit Malaysia: Seratus Dua Puluh Ribu Ringgit Sahaja.)
- b. Penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rezab **RM12,000.00.(Ringgit Malaysia: Dua Belas Ribu Sahaja)** Amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian (**Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam**) Di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya :-
 - i. Maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (b) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar dan
 - ii. Sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.

- e. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **27 Oktober 2023** dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan, masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - f. Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (e) jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (d) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.
 - g. Orang yang membuat tawaran paling tinggi daripada harga tawaran atau lebih akan diisytiharkan sebagai pembeli berjaya dalam jual lelong.
 - h. Apa-apa bayaran cukai tanah, bayaran taksiran dan semua perbelanjaan yang kena dibayar bagi membuat atau melaksanakan Perintah Jualan ini hendaklah dibayar dengan harga pembelian. Segala bayaran lain berhubung dengan pendaftaran perakuan jual hendaklah ditanggung oleh pembeli.
 - i. Sebelum perlelongan ini dijalankan atau muktamad, tuan tanah bolehlah membuat bayaran pada bila-bila masa bagi menjelaskan bayaran yang mungkir dalam surat gadaian itu dan perlelongan ini dibatalkan.
 - j. Lelong ini tidak boleh disambut oleh warganegara asing atau bukan warganegara Malaysia.
8. Saya dapati wang yang perlu dibayar kepada Pemegang Gadaian ialah **RM 87,693.51(7/2/2023)**

Bertarikh
15/5/2023


(AIZAT SAFWAN BIN ABDUL RAZAK)
Penolong Pentadbir Tanah,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut.

s.k.

1. Diatas Tanah Berkenaan
2. Papan Kenyataan Balai Penghulu Mukim Kuala Besut.
3. Papan Kenyataan Pejabat Tanah Besut, Terengganu.
4. Papan Kenyataan Mahkamah Besut, Terengganu.